

Membakut dan Beaufort dapat bantuan kemanusiaan UMS

NSI 21-2-2014 3

KOTA KINABALU: Meskipun keadaan banjir di daerah Beaufort dilihat beransur pulih, ia tidak menghalang warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk tampil memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat di kawasan itu.

Kira-kira 20 orang kakitangan dari Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) kelmarin menyer-

ahkan bantuan keperluan berbentuk filam, pakaian, makanan serta wang tunai bagi meringankan beban keluarga yang terlibat dalam bencana tersebut.

Menurut Setiausaha PPUMS, Sarianshah Shamsudin, bantuan yang disalurkan ke kawasan Membakut dan Beaufort merupakan fasa pertama misi bantuan tersebut manakala fasa kedua akan



SERAHKAN ... Harun (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Sarianshah.



BANTU ... Harun membantu memasukkan barangan sumbangan ke lori untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

melibatkan agihan kepada mangsa-mangsa di kawasan Tenom.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah ketika ditemui turut melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada semua pihak yang sudi tampil memberikan bantuan.

"Saya menyokong penuh usaha murni yang dianjurkan oleh PPUMS dan mengharapkan lebih ramai yang akan menyertai bantuan kemanusiaan seperti ini pada masa akan datang," katanya.

Kutipan bantuan yang dianjurkan oleh PPUMS itu bukan sekadar mendapat sambutan baik daripada warga kampus malah pelbagai syarikat di sekitar Kota Kinabalu turut menghulurkan sumbangan mereka.

Antara pihak swasta yang tampil bersama-sama UMS memberikan sumbangan adalah, Shell Timur Sdn. Bhd., Kelab Sosial dan Rekreasi Bündu Tuhan Ranau serta Dana Hijau Enterprise.